

Untuk Siaran Segera

Pameran Penjelajahan Home Cinema 3D dalam Koc dari Panasonic

Saksikan dan alami pengalaman menonton 3D HDTV

Petaling Jaya, 14 Mei 2010 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd mempamerkan tiga caravan bergerak iaitu koc 3D bertemakan '*Home Cinema Tour 2010*'; Caravan Kecantikan (*Beauty Truck*) dan Caravan Gaya Hidup Eco & Kesihatan (*Eco & Healthy Lifestyle Caravan*); sempena dengan Karnival Tong Kong yang berlangsung dari 13 Mei hingga 16 Mei di kedai rakan perniagaan Panasonic, Messrs Tong Kong E & E, di SS3 Petaling Jaya, untuk orang ramai dari 10 pagi hingga 10 malam.

"Kami berharap orang ramai dapat menyaksikan dan merasa pengalaman teknologi baru televisyen 3D di Karnival ini. Dengan pengenalan HD Penuh 3D kami dalam beberapa saiz skrin dari 50 inci ke 65 inci, Panasonic membawa teknologi terkini ke dalam rumah anda," kata Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Koc 3D ini dilengkapi dengan enam unit Plasma VIERA Panasonic, TV LCD dan TV LED-LCD terkini yang bersaiz 32 sehingga 42 inci dan satu unit TV HD 3D 50 inci.

"Panasonic akan terus memperbaharui teknologi TV untuk menawarkan alat hiburan terkini seperti fungsi IPTV, VIERA CAST dan SD Link yang membolehkan pengguna menikmati pengalaman baru apabila menonton televisyen terutama pada skrin besar dan penggunaan televisyen untuk berkomunikasi dan menggunakan internet. Panasonic amat komited kepada kejayaan dan peningkatan televisyen VIERA. Kami berharap untuk memberi idea dan *trend* baru kepada pengguna di Malaysia dengan menikmati pengalaman VIERA sekali gus membantu menaikkan jumlah jualan rakan perniagaan kami", tambah Jeff Lee.

Selain pameran koc 3D, Caravan Kecantikan akan mempamerkan produk kecantikan Panasonic, rawatan muka dan *makeover* penjagaan kecantikan. Produk yang akan dipamerkan termasuk Ionity, Alat pengering rambut, Alat Stim Rawatan Muka, *epilators*, Alat Pengikal Bulu Mata (*Eyelash Curler*), Pencuci Liang Muka dan Alat Perapi Muka.

Selain itu, Caravan Gaya Hidup Eco & Kesihatan akan mempamerkan produk seperti *Capsule Light*, Alat Perapi Udara, Mesin Basuh Baju dan Peti Sejuk.

Koc dan caravan ini akan menjelajah sekitar Lembah Klang untuk tiga minggu sebelum bertolak ke Pulau Pinang. Pameran 3 hari yang telah diadakan di Pusat Membeli-belah Sunway Pyramid pada bulan Mac baru-baru ini mendapat sambutan seramai 11,451 pelawat. Pelawat perlu memakai cermin mata 3D yang telah disediakan untuk menikmati pengalaman dunia 3D.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaa
Tel: 0378097874 Fax: 037955 1857 Mobil:012 694 5966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

###